

T-REX Tawan Puncak Gunung Berembun Cameron



Cameron Highlands, 4 Mac – Seramai 78 orang ahli Kelab Rekreasi Universiti Malaysia Pahang yang dikenali dengan T-REX menganjurkan Kem Induksi T-Rex 2016 dalam menjayakan misi pendakian Gunung Berembun yang mempunyai ketinggian 1840 meter dari paras laut. Pendakian bermula dari tapak perkemahan Kem Sg. Pauh mengambil masa tiga jam sebelum peserta yang terdiri daripada pelajar tahun satu ini tiba di puncak Gunung Berembun.

Bagi ketua program, Muhammad Irfan Jaffar ,22 dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) berkata, beliau berpuas hati dengan pencapaian peserta program induksi ini dan berbangga dengan kerjasama serta sikap toleransi yang diberikan sepanjang tiga hari program berlangsung.



"Kelab yang ditubuhkan sejak tahun 2004 ini memfokuskan aktiviti lasak di darat, air dan udara. Kelab ini bergerak aktif dengan pelbagai aktiviti dan salah satu yang menarik ialah mendaki gunung. Penubuhan kelab ini lebih cenderung kepada aktiviti rekreasi luar yang dapat memberi peluang kepada pelajar di kedua-dua kampus iaitu UMP Pekan dan Gambang yang mempunyai minat yang sama untuk beriadah di samping berkongsi ilmu dalam melahirkan mahasiswa yang mempunyai kemahiran insan yang cemerlang," katanya.

Selain dari itu aktiviti yang dijalankan ialah, Asas Tali dan Pertolongan Cemas, Pendakian Gunung Berembun, Malam Kebudayaan, Khidmat Diri serta Explorace. Sementara itu, bagi peserta program Muhammad Harith Haiqal Ibrahim, 20, dari Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian (FSKPP) berkata, program induksi ini dapat memberikan ilmu yang baharu kepada peserta yang kini mula meminati sukan lasak seperti mendaki gunung.

Ujar beliau, pengalaman memasak di dalam hutan bersama kumpulan suatu pengalaman yang baru kerana belum pernah memasak dalam suasana sebegini. Tambahan pula masa yang diberikan agak terhad namun mereka berjaya melaksanakan tugas dengan baik hasil kerjasama bersama rakan-rakan yang lain.



Selain itu, tips-tips berguna turut dikongsi dari para fasilitator antaranya cara memasang kemah terbuka, alatan pendakian, tips susunan beg, cara menghidupkan api dan lain-lain termasuklah pengalaman mendaki juga memberikan inspirasi untuk terus aktif bersama kelab T-Rex.

Manakala salah seorang pengemar sukan lasak yang juga fasilitator, Shahnaz Sakinah Shaiful Bahri, 25, pelajar tahun 3 dari FKEE turut melahirkan bangga dengan pencapaian kelab ini. Beliau yang telah dilantik sebagai majlis tertinggi Kelab T-Rex selama dua tahun mengharapkan dapat terus berkongsi pengalaman dan ilmu berkaitan program rekreasi.

Pihaknya juga sedang merancang beberapa program lain yang menarik juga berimpak tinggi sepanjang semester ini melibatkan kolaborasi bersama kelab dan institusi yang lain. Malahan kelab ini juga aktif mengemaskini laman sosial seperti instagram @trexofficial bagi berkongsi pengalaman dengan pihak yang berminat menceburi aktiviti seperti ini.

Berita disediakan oleh Nor Fadzillah Zulkipli dan gambar oleh Kelab T-Rex serta suntingan Bahagian Komunikasi Korporat PNC.